

TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA MAJLIS

SEMESTER II SESI 2005/2006 DAN SEMESTER I SESI 2006/2007

TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA MAJLIS ANUGERAH DEKAN SEMESTER II SESI 2005/2006 DAN SEMESTER I SESI 2006/2007

TEMPAT:

MITC

AYER KEROH, MELAKA

TARIKH :

24 JANUARI 2007

TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA MAJLIS
ANUGERAH DEKAN SEMESTER II SESI 2005/2006
DAN SEMESTER 1 SESI 2006/2007 PADA 24
JANUARI 2007 BERTEMPAT DI MITC, AYER KEROH
JAM 2.30 PETANG

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH, TIMBALAN
REKTOR (AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHD DIAH, TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGKOMERSILAN/INOVASI)

Y. BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
DAN BARISAN EXCO MPP,

PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM
SEJAHTERA.

ALHAMDULILAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT
ALLAH SWT KERANA DENGAN IZINNYA DAPAT KITA
BERKUMPUL BERSAMA PADA PETANG INI BAGI
MERAIKAN KECEMERLANGAN YANG TELAH DICAPAI
OLEH PARA PELAJAR KUTKM DALAM PEPERIKSAAN
AKHIR SEMESTER 2 SESI 2005/2006 DAN SEMESTER
1 2006/2007 YANG LALU.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKANSYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PARA PENERIMA ANUGERAH DEKAN INI. SESUNGGUHNYA KEJAYAAN YANG ANDA PEROLEHIINI BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH UNTUK DICAPAI. IA MEMERLUKAN USAHA, KEGIGIHAN, KETEKUNAN, DEDIKASI DAN KOMITMEN YANG PENUH KEPADA PELAJARAN.

SEKIRANYA KITA MENGAMALKAN SIKAP UNTUK TIDAK MUDAH BERPUTUS ASA DAN SENTIASA MENGULANGKAJI PELAJARAN, INSYAALLAH KITA AKAN BERJAYA TIDAK SAHAJA DALAM BIDANG AKADEMIKTETAPI JUGA TERHADAP SEMUA BIDANG YANG KITA CEBURI DI UNIVERSITIINI TERMASUKLAH AKTIVITI KOKURIKULUM SEPERTI PERSATUAN, SUKAN, KELAB DAN SEBAGAINYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PADA SEMESTER 2 SESI 2005/2006 SERAMAI 264 ORANG PELAJAR MENDAPAT ANUGERAH DEKAN, MANAKALA 370 ORANG PELAJAR MENERIMANYA BAGI SEMESTER 1 SESI 2006/2007. TERDAPAT 105 ORANG PELAJARTELAH MENERIMA ANUGERAH DEKAN BAGI KEDUA-DUA SESI/SEMESTER SECARA BERTURUT-TURUT. INI ADALAH SATU KECEMERLANGAN BERGANDA KEPADA MEREKA. OLEH ITU MEREKAINI BOLEH DIJADIKAN CONTOHKEPADA KITA SEMUA UNTUK MENGEKALKAN KEJAYAAN YANG DIPEROLEHI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PENERIMA ANUGERAH DEKAN OLEH PELAJAR KUTKM DILIHAT SEMAKIN MENINGKAT DARI MASA KE SEMASA. PENERIMA ANUGERAH DEKAN PADA SEMESTER 1 SESI 2005/2006 YANG LEPAS HANYALAH 184 ORANG BERBANDING PADA KALIINI YANG MENINGKAT DENGAN TINGGINYA.

PENINGKATAN PENERIMA ANUGERAH DEKAN INI ADALAH SEJAJAR DENGAN PENINGKATAN JUMLAH PELAJAR KUTKM DARI MASA KE SEMASA DI SAMPING PENINGKATAN KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SINI.

UNTUK MAKLUMAN BERSAMA, JUMLAH PELAJAR KUTKM PADA MASAINI IALAH SERAMAI 5104 ORANG, IAITU 749 ORANG PADA PERINGKAT DIPLOMA, 4228 ORANG PADA PERINGKAT IJAZAH, 127 ORANG PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH (IAITU 69 ORANG SARJANA SAINS, 32 SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN/MBA DAN 26 DOKTOR FALSAFAH). SEHUBUNGAN ITU SAYA MENJANGKAKAN JUMLAH PELAJAR YANG CEMERLANG DALAM BIDANG AKADEMIK AKAN TERUS MENINGKAT PADA MASA HADAPAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

KITA TIDAK BOLEH MENAFIKAN BAHAWA TERDAPAT JUGA PELAJAR YANG TIDAK CEMERLANG DI DALAM PELAJARAN SEMASA PENGAJIAN MEREKA DI SINI.INI DAPAT DILIHAT APABILA SEJUMLAH 48 ORANG PELAJAR TELAH MENDAPAT KS PADA SEMESTER 2 SESI 2005/2006 DAN 59 ORANG BAGI SEMESTER 1 SESI 2006/2007. BEGITU JUGA TERDAPAT SERAMAI 8 ORANG PELAJAR MENDAPAT KG PADA SEMESTER 2 SESI 2005/2006 DAN 37 ORANG PADA SEMESTER 1 SESI 2006/2007.

SAYA PERCAYA BAHAWA PIHAK UNIVERSITI KHUSUSNYA MELALUI UNIT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA) DAN JUGA FAKULTI TELAH MELAKUKAN YANG TERBAIK BAGI MEMBOLEHKAN PELAJAR MENCAPAI KEPUTUSAN AKADEMIK YANG CEMERLANG. MISALNYA HEPA TELAH MENGADAKAN PROGRAM *SMART LEARNING* DAN *SMART CLASS* DI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN PADA SEPANJANG TAHUN 2005 DAN 2006 BAGI

MENINGKATKAN PENGUASAAN AKADEMIK PELAJAR YANG LEMAH.

NAMUN BEGITU, KESUNGGUHAN PELAJAR BAGI MEMPERBAIKI DIRI DALAM PELAJARAN ADALAH TERLETAK KEPADA USAHA-USAHA TAMBAHAN YANG MEREKA LAKUKAN SENDIRI. SELAIN MENGHADIRI KELAS TAMBAHAN YANG DIANJURKAN OLEH HEPA DAN FAKULTI, MEREKA JUGA PERLU BANYAK BERJUMPA DENGAN PENSYARAH UNTUK LEBIH MEMAHAMI SUBJEK YANG DIAJAR. MEREKA JUGA HENDAKLAH SENTIASA MENDAPATKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT TAMBAHAN DI PERPUSTAKAAN DI SAMPING SENTIASA MENGULANGKAJI PELAJARAN SECARA BERKUMPULAN.

DALAM HAL INI SAYA MENYERU KEPADA PELAJAR-PELAJAR YANG CEMERLANG UNTUK MEMBANTU MEREKA YANG LEMAH DALAM PELAJARAN SUPAYA

MEREKA DAPAT MENINGKAT MAJU PADA TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA. IA ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA UNTUK MEMBANTU MEREKA DENGAN SAMA-SAMA MEMBERI PERANGSANG DAN TUNJUK AJAR AGAR MEREKA SAMA-SAMA BERJAYA DAN MAJU DALAM BIDANG AKADEMIK.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SATU PERKARA PENTING LAIN YANG PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH PELAJAR SELAIN DARIPADA KECEMERLANGAN AKADEMIK IALAH PENGUASAAN DALAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSANIAH (SOFT SKILL). TUJUH ELEMEN UTAMA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH PELAJAR BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN INSANIAH IALAH SEPERTI BERIKUT :-

- I) KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI

- II) PEMIKIRAN KRITIS DAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH KEPADA ASPEK-ASPEK PEMBANGUNAN INSANIAH TADI.
- III) KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN
- IV) PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT SEBAGAI LANGKAH TAMBAHAN, PIHK UNIVERSITI TELAH MENUBUHKAN PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN (PBPI) YANG SEJAJAR DENGAN MATLAMAT MENINGKATKAN KEMAHIRAN INSANIAH INI. PUSAT INI AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA ASPEK KEMAHIRAN KOMUNIKASI DI SAMPING MEMBERI FOKUS KEPADA PEMBENTUKAN MODAL INSAN YANG BERKUALITI TERUTAMANYA DALAM ASPEK KETERAMPILAN DIRI. PERKARA INI AKAN DAPAT MELAHIRKAN PARA JURUTERA YANG BERKUALITI TINGGI DAN BERDAYA SAING.
- V) KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN
- VI) ETIKA DAN MORAL PROFESIONAL
- VII) KEMAHIRAN KEPIMPINAN

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI,

PIHK UNIVERSITI TELAH BERUSAHA UNTUK MENERAPKAN SEMUA ASPEK KEMAHIRAN INSANIAH INI SEMASA ANDA DI SINI. AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH HEPA MISALNYA MELALUI PROGRAM BAKTI SISWA, DEBAT, SUKAN, AKTIVITI KELAB DAN PERSATUAN TELAH MENDEDAH DAN MENJURUSKAN DIRI ANDA

NAMUN BEGITU, APA YANG LEBIH PENTING IALAH PENGUASAAN KEPADA ELEMEN-ELEMENINI PERLU SENTIASA DIPERTINGKATKAN SEJAJAR DENGAN PENCAPOIAIN CEMERLANG PELAJAR DALAM

BIDANG AKADEMIK.INI PENTING SUPAYA PELAJAR KUTKM MEMPUNYAI TOWERING PERSONALITY YANG MENARIK SERTA MENJADI ROLE MODEL KEPADA PEMBENTUKAN MAHASISWA YANG MEMPUNYAI JATI DIRI YANG KUKUH.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PADA 1 FEBRUARI INI, NAMA KUTKM AKAN DITUKARKAN KEPADA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM). IA BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN KEFAHAMAN MASYARAKAT BAHAWA UNIVERSITIINI ADALAH SEBUAH IPTA DAN SETARAF DENGAN UNIVERSITI LAIN DI MALAYSIA. HAL INI PENTING SUPAYA KUTKM TIDAK DIPANDANG SEBAGAI UNIVERSITI KELAS KEDUA WALAUPUN ADA KALANYA KUTKM LEBIH BAIK DALAM SESETENGAH PERKARA, MISALNYA DARI SEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG BERTERASKAN APLIKASI DAN AMALAN.

INI TERBUKTI APABILA KAJIAN PENGESANAN PELAJAR 2006 YANG DIBUAT OLEH HEPA MENUNJUKKAN LEBIH 80% GRADUAN KUTKM MENDAPAT PEKERJAAN DALAM TEMPOH ENAM BULAN SELEPAS BERGRADUAT. SEBENARNYA TIDAK PERLU WUJUD RASA RENDAH DIRI APABILA KITA BERGELAR KOLEJ UNIVERSITI, NAMUN PENJENAMAAN SEMULA KUTKM KEPADA UNIVERSITI AKAN LEBIH MEMANTAPKAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT KEPADA KITA DAN IA DIHARAP AKAN MEMBAWA LEBIH BANYAK KEJAYAAN KEPADA KITA PADA MASA AKAN DATANG.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

DI KESEMPATANINI JUGA SAYA MENYERU KEPADA SEMUA PELAJAR YANG HADIR UNTUK MENYERTAI PERSATUAN ALUMNI KUTKM YANG TELAH DILANCARKAN PADA 06 JANUARI YANG LEPAS.

PERSATUAN INI AKAN MENJADI PLATFORM KEPADA BEKAS GRADUAN UNTUK SAMA-SAMA MEMBANGUNKAN UNIVERSITIINI MELALUI PANDANGAN DAN KERJASAMA YANG BOLEH DIADAKAN. KOMITMEN ANDA SEBAGAI PELAJAR YANG CEMERLANG AMAT DIHARAPKAN SUPAYA IKATAN ANTARA BEKAS PELAJAR DAN UNIVERSITI DAPAT DITERUSKAN DEMI KEBAIKAN UNIVERSITI.

AKHIR KATA SAYA MERAKAMKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PARA PELAJAR YANG TELAH BERJAYA MENERIMA ANUGERAH DEKAN PADA KALI INI. KITA HARUS BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH, TEKUN DAN DEDIKASI BAGI MEREALISASIKAN VISI, MISI DAN AGENDA UNIVERSITI UNTUK MENGUKIR KECEMERLANGAN YANG LEBIH BERMAKNA PADA MASA AKAN DATANG DEMI AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

SEKIAN TERIMA KASIH.